

# Dr Ling, Lim enggan

BH 16 APR 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Dua pihak yang bertelagah dalam MCA mematuhi permintaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya berhenti membuat sebarang kenyataan terbuka berkisar isu dalaman serta krisis kepimpinan parti itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek yang ditemui di majlis berasingan hari ini, tidak lagi mahu mengulas atau melayan seperti biasa pertanyaan wartawan mengenai isu membabitkan parti itu.

Malah, Perdana Menteri sendiri yang mengadakan sidang akhbar selepas merasmikan seminar penguasaan bandar di Cyberjaya dekat sini, hari ini turut mengotakan janjinya untuk tidak membuat sebarang ulasan berkisar kepada isu MCA seperti diarahkannya semalam.

"Dah habis dah? Tak ada apa dah?," kata Dr Mahathir sambil menoleh ke arah wartawan selepas menjawab dua pertanyaan

berkisar kepada isu yang berbangkit dalam ucapan-nya di majlis itu, berkaitan masalah perbandaran.

Mungkin menyedari wartawan lebih berminat mengenai isu semasa, beliau secara berjenaka berkata: "Aduhhh...fikir nak tanya MCA, MCA, MCA."

Bagaimanapun, wartawan yang juga patuh ke-

pada 'arahan' untuk tidak bertanya mengenai MCA, sejurus kemudian mengambil kesempatan setelah Perdana Menteri sendiri membangkitkan isu itu dengan bertanya: "Datuk Seri, boleh ke? (bertanya mengenai MCA)?"

"Tak boleh. Saya sudah menutup mulut saya. Ambil gambar saya menutup

## ulas isu krisis kepimpinan

mulut saya," katanya ke arah jurugambar dan jelas beliau juga merujuk kepada gambarnya menutup mulut yang disiarkan beberapa akhbar tempatan hari ini.

Selepas selesai sidang akhbar itu, Dr Mahathir yang dalam perjalanan ke luar dewan sempat berseoroh dengan kata-kata berbunyi: "Dia (wartawan) tak seronoklah...benda yang dia nak tanya."

Semalam, Dr Mahathir berkata mulai sekarang tidak ada kenyataan akhbar dibuat oleh sesiapa termasuk beliau sendiri dan perkara itu juga dipersetujui oleh Dr Ling dan Lim.

Jumaat lalu, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata beliau akan bertemu pemimpin MCA itu untuk membantu mengatasi perbezaan pendapat antara dua puak bertelagah dalam parti itu, yang dikenali sebagai Team A dan Team B, yang masing-masing diketuai oleh Dr Ling dan timbalannya, Lim.

Dr Ling sudah menemui Perdana Menteri di peja-

batnya di Putrajaya selama sejam pada jam 11.30 pagi Sabtu lalu dan kemudian menyatakan bahawa Dr Mahathir merangka pelan damai untuk mereka.

Hari ini, Dr Ling yang turut clitanya wartawan mengenai isu MCA enggan mengulas. "Ini arahan," katanya ketika ditemui selepas memberi taklimat kepada anggota majlis penasihat Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Kolej Tunku Abdul Rahman di Setapak.

Sementara itu, Lim tengah hari ini turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri yang berlepas ke Asia Barat.

Ketika dihubungi, Lim bagaimanapun enggan mengulas sama ada Dr Mahathir ada berbincang dengannya mengenai masalah dalaman MCA di KLIA itu.

"Saya tak boleh cakap lagi, kami semua tak boleh cakap lagi apa-apa menge-

nai perkara ini. Saya harap kamu faham dan jangan tulis lagi," katanya ketika diminta mengulas pertemuannya berkenaan.

Ketika ditanya sama ada beliau sedia bertemu Dr Ling, Lim berkata: "Jika untuk kepentingan parti, saya sedia berjumpa dengannya tapi janganlah tanya lagi mengenai perkara ini."

Dr Ling semalam menyatakan kesediaannya bertemu dengan Lim, yang dianggap sebagai adiknya, bagi membincangkan agenda perdamaian yang diberikan oleh Dr Mahathir.

Lim ketika dihubungi semalam berkata, beliau juga sedia menerima sebarang keputusan yang akan dibuat Dr Mahathir dalam menyelesaikan masalah dalaman MCA.

"Saya yakin, Dr Mahathir sudah mempunyai penyelesaian dan saya sedia menerima sebarang keputusan yang akan dibuat kerana saya yakin, Perdana Menteri akan membuat keputusan yang adil.

"Kedua-dua pihak sudah

diberi peluang dan masa yang cukup untuk menyelesaikan segala masalah tetapi malangnya, kami tidak dapat mencapai sebarang kata sepakat dan kerana itu, Perdana Menteri campur tangan dalam hal ini," katanya.

"Beliau berkata, pihaknya dan seluruh Team B sanggup untuk bertolak ansur dengan semua pihak bagi kepentingan parti tetapi beliau merasakan Team A sendiri yang tidak dapat menerima hakikat bahawa wujudnya undi hantu.

Puak yang diketuai oleh Lim mengancam untuk meneruskan dengan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijadualkan pada 21 April, walaupun permintaan bagi EGM itu untuk menyelesaikan isu ahli hantu dalam senarai perwakilan semasa pemilihan parti sudah ditolak oleh Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Mereka juga mahukan pemilihan parti ditunda sehingga senarai keanggotaan itu dibersihkan dan disahkan.